

24 AUG 2000

Mahathir-Persatuan/I

MAHATHIR KESAL MEREKA YANG TIDAK DAPAT BEZAKAN BENAR DAN SALAH

Oleh: Zaharah Othman

LONDON, 24 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berasa kesal terhadap mereka yang mendengar sebelah pihak sahaja dan tidak dapat membezakan mana yang benar dan yang salah.

Perdana Menteri merujuk kepada Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA), yang telah menarik balik jemputan kepada beliau untuk berucap pada kongres persatuan itu di Chicago bulan depan.

Menurut laporan agensi asing, kepimpinan persatuan itu berasa bahawa anggotanya tidak puas hati terhadap hukuman penjara yang dijatuhkan kepada bekas perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

Mereka telah menjadi penyokong Anwar dan itulah sebabnya mereka menarik balik jemputan itu, kata Dr Mahathir.

"Adalah jelas mereka hanya mendengar sebelah pihak sahaja dan tidak mahu mendengar pendapat pihak yang lagi satu," katanya kepada pemberita Malaysia pada sidang berita di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini, Datuk Mohd Amir Jaa'far.

Anwar baru-baru ini dijatuhkan hukuman penjara sembilan tahun setelah didapati bersalah kerana salah laku seks. Hukuman itu bermula selepas beliau menamatkan hukuman penjara enam tahun yang dijalaninya sekarang kerana kesalahan rasuah.

Perdana Menteri berkata beliau tidak berasa itu adalah satu penghinaan.

"Saya tidak rasa ia adalah penghinaan, saya kecewa terhadap mereka kerana mereka tidak dapat membezakan kebenaran daripada propoganda," katanya.

Beliau juga berkata beliau tidak melihat sebarang kerajaan terlibat dalam penarikan balik jemputan itu.

"Saya tetap akan ke Chicago bulan depan. Ada perkara lain yang boleh saya lakukan," katanya.

Difahami Perdana Menteri akan berada di Chicago untuk menerima anugerah yang akan diberikan oleh Lariba, sebuah rumah kewangan Amerika Syarikat di Northbrook pada 1 Sept.

Terdahulu Perdana Menteri bersama dengan ketua-ketua negara lain menghadiri sidang kemuncak mini Suruhanjaya Koordordinasi Selatan, telah bertemu dengan John Prescott, timbalan perdana menteri Britain.

Semasa pertemuan itu mereka telah menekankan pentingnya negara maju mendengar pendapat negara-negara membangun.

Beliau berkata Prescott telah bersetuju untuk menyampaikan pendapat Kumpulan 8 dan mengadakan dialog Utara-Selatan.

Pada sidang kemuncak mini itu, yang dihadiri Dr Mahathir, Presiden Abdelaziz Bouteflika dari Nigeria, Presiden Olusegun Obasanjo dari Nigeria, Perdana Menteri PJ. Patterson dari Jamaica dan Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan Cheryl Carolus yang mewakili Presiden Thabo Mbeki, mereka bertukar-tukar pandangan berkaitan beberapa isu yang penting kepada negara-negara membangun.

Ini termasuk proses globalisasi, isu perdagangan, reformasi kewangan global dan isu laluan kepada teknologi dan alam sekitar.

Sidang itu juga memberikan tumpuan kepada pentingnya penubuhan Suruhanjaya Koordinasi Selatan bagi mencapai wawasan mendiang presiden Julius Nyerere dan sejajar dengan laporan Suruhanjaya Selatan.

Laporan itu akan dikemukakan kepada mesyuarat khas ketua-ketua negara G77 di New York nanti.

-- BERNAMA

ZO NM RI